

BULETIN

APB

EDISI 8

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN

PENERBIT



اَوْبُو سَيِّدِي تَيْكُو لُو كِي مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
PERSIARAN SEREMBAN TIGA/1
SEREMBAN 3
70300 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
MALAYSIA.**

SIDANG REDAKSI

PROFESOR DR YAMIN BIN YASIN

**PENAUNG
(REKTOR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN)**



DR SHARIFAH SHEHA BINTI SYED AZMI BAFTIM

KETUA PUSAT PENGAJIAN



MOHD IKRAM BIN MOHD NOR RIZAN

**PENASIHAT
(KOORDINATOR APB SEREMBAN)**



NURUL SYAFAWANI BINTI HALIM

KETUA PENYUNTING



FATIN ALIYAH BINTI HASSAN

PENOLONG PENYUNTING & KETUA GRAFIK



NOOR SHAHARIAH BINTI SALEH

PEMBACA PRUF



NUR HAKIMAH BINTI MD SALLEHUDDIN

PEMBACA PRUF



NUR AMIRAH NABIHAH BINTI ZAINAL ABIDIN

PEGAWAI PENYELARAS



ISI KANDUNGAN

Artikel

- | | |
|--------------|--|
| 2-4 | POLITIK, KUASA, DAN PILIHAN RAYA MENURUT AL-MAWARDI
Ariff Aizuddin Azlan (Dr.) |
| 5-8 | MENGESAN PERASAAN MELALUI TEKS: KENALI ASAS ANALISIS SENTIMEN
Rozianiwati Binti Yusof & Nor Azlina Aziz Fadzillah |
| 9-11 | PEMBAYARAN DIVIDEN DAN KEPENTINGANNYA
Fadhirul Hisham Aziz |
| 12-16 | PENDIDIKAN UNTUK PELARIAN TIDAK BERKERAKYATAN (PTB)
Mohd Ramlan Mohd Arshad (Dr.) |
| 17-19 | PENGLIBATAN AKTIVITI SUKAN REKREASI DALAM KALANGAN PELAJAR
Hasmiza Bt Abdul Majeed, Borhannudin Bin Abdullah (Dr.), Roxana Dev Omar Dev (Dr.) & Aini Marina Ma'rof (Dr.) |
| 20-22 | OVERVIEW OF RESEARCH METHODS, INSTRUMENTS AND DATA ANALYSIS IN SOCIAL SCIENCE RESEARCH
Tuan Sarifah Aini Syed Ahmad (Dr.) |
| 23-24 | INTERMITTENT FASTING VS RAMADHAN FASTING
Sharifah Maimunah Syed Mud Puad, Mohd Faridz Ahmad & Muhammad Wafi A. Rahman |
| 25-28 | GETTING A GRASP OF DEPRESSION: THE ROAD TO MENTAL HEALTH REMEDY
Noor Shahariah Saleh & Nurul Syafawani Halim |

ISI KANDUNGAN

Laporan Program

- 31-34** **VOTING EDUCATION SOCIETY (VES): INSPIRASI DAN HALA TUJU**
Shahidah Abdul Razak
- 35-37** **MARC – INTRODUCING MALAYSIA DIGITALLY AND GLOBALLY**
Sheela Paramasivam, Afni Anida Adnan, Johan@Eddy Luaran (PM Dr.), Nur Fatima Aisyah & Asha Ganesan
- 38-39** **MYRA STAR RATING**
Nur Amirah Nabihah Zainal Abidin, Nur Hakimah Md Sallehudin & Fatin Aliyah Hassan
- 40-41** **MZJ WORD FORMATTING FOR REPORT WRITING OF EWC661**
Tuan Sarifah Aini Syed Ahmad (Dr.), Nur Hakimah Md Sallehuddin, Fatin Aliyah Hassan & Nur Amirah Nabihah Zainal Abidin
- 42-44** **BENKEL PENJANAAN JADUAL WAKTU KULIAH SESI MAC-OGOS 2022**
Normaziah Abdul Rahman & Haslinda Noradzan
- 45-46** **ACE: ASSIGNMENT MADE EASY**
Nur Hakimah Md Sallehuddin, Sheela Paramasivam, Nur Amirah Nabihah Zainal Abidin, Siti Noor Dina Ahmad, Tengku Farah Petri Tengku Mahmood & Fatin Aliyah Hassan
- 47** **SUKAN SEA HANOI 2022: SAKSI KEUNGGULAN ZUHRI ZAIN**
Razif Sazali, Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Nur Dalilah Dahlan
- 48-50** **BENKEL WEBINAR: SESI PERKONGSIAN PENSYARAH SAINS KOMPUTER**
Norhafizah Hashim, Normaziah Abdul Rahman, Nor Azlina Aziz Fadzillah, Rozianiwati Yusof & Sri Yusmawati Mohd Yunus.
- 51** **SEKOLAH PENULISAN TESIS 2.0**
Wan Zumusni Wan Mustapha (Dr.)
- 52-53** **COFFEE AND TEA WITH APB SEREMBAN**
Evelyn Sharminnie S.Vasuthavan, Afni Anida Adnan & Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo (PM Khas Dr.)

ISI KANDUNGAN

Laporan Program

- 54-55** **RIANG-RIANG RAYA PENERAT SILATURRAHIM WARGA UITM KAMPUS SEREMBAN**
Razif Sazali, Marzura Mohd Idris, Suhaimi Hj. Abd Samad (Dr.), CR. Norfarhana
Zulkifli, Khairolizwan Harry & Nur Haidar Hanafi
- 56-59** **EAST MEETS WEST – LOI SIGNING CEREMONY BETWEEN UITM AND THE UNIVERSITY OF OTTAWA, CANADA**
Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo (PM Khas Dr.), Abdul Fattah Abd Gani, Aeimi
Ruzanna Abu Hassim & Mohd Ikram Mohd Nor Rizan
- 60** **PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2022 (KL INTERNATIONAL BOOK FAIR)**
Wan Zumusni Wan Mustapha (Dr.)
- 61-64** **PERTANDINGAN VIDEO KREATIF ELC550**
Sheela Paramasivam, Afni Anida Adnan, Nur Amirah Nabihah, Fatin Aliyah Hassan,
Rodhiah Amzah & Noor Shahariah Saleh
- 65-67** **GO GLOBAL 2022: WEBINAR SERIES 1,2 & 3**
Rafidah Kamarudin (Dr.)
- 68-69** **PERKONGSIAN TENTANG “POLIGAMI & INSTITUSI KELUARGA” DI TWITTER**
Wan Zumusni Wan Mustapha (Dr.)

ARTIKEL

Edisi ini

Politik, Kuasa dan Pilihan Raya Menurut Al-Mawardi

Ariff Aizuddin Azlan (Dr.)

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Kampus Seremban

Semenjak beberapa abad yang lalu, sarjana sains politik sama ada dari dunia Islam mahupun Barat telah berusaha keras untuk menukulkan satu bentuk integrasi epistemologi di antara konseptual masyhur seperti politik, kuasa dan pilihan raya. Perkaitan jelas yang cuba untuk dihubungkan telah berjaya diletakkan di atas peta kesarjanaan dan dijadikan sebagai rujukan utama oleh generasi-generasi seterusnya. Siapakah Al-Mawardi dan mengapakah karya beliau mempunyai nilai-nilai yang signifikan sehingga boleh dijadikan sebagai tulang belakang dalam bidang sains sosial dan sains politik Islam secara khususnya. Nama sebenar beliau ialah Ali b. Muhamad b. Habib atau lebih dikenali sebagai Abu Hasan Al-Mawardi dan dilahirkan di Basra sekitar tahun 364/974. Beliau merupakan tokoh Islam yang terkenal dalam beberapa bidang seperti sains, hadis, fiqh, perundangan, politik, pentadbiran dan sebagainya.

Meminggirkan pemikiran Al-Mawardi di dalam perbincangan politik dan kenegaraan merupakan satu kerugian kerana melalui pengalaman beliau sebagai sebahagian daripada sistem kerajaan dan juga sebagai pakar undang-undang telah mengakibatkan implikasi intelektual ke atas dirinya sendiri dan pengalaman itu diadun dengan penelitian khusus yang membawa kepada kerangka pemikiran. Tambahan pula, Al-Mawardi menghabiskan waktu hidupnya di bawah pemerintahan Dinasti Buwayhid yang berpusat di Baghdad pada ketika itu yang sarat dengan isu-isu politik, percaturan kuasa dan pentadbiran. Dengan itu, makalah ini berhujah bahawa Al-Mawardi cuba untuk mengimbangi konseptual politik, kuasa, dan pilihan raya melalui landasan Islam dan juga eksploratori pensejarahan.



Sarjana Barat seperti H.A.R. Gibb bertanggungjawab meletakkan pemikiran Al-Mawardi ke dalam konteks ilmiah yang lebih meluas di dalam penulisan beliau yang berjudul 'Teori Khilafah Al-Mawardi'. Magnum opus hasil karangan Al-Mawardi yang dikenali sebagai *Al-Ahkam al-Sultaniyya* telah dijadikan sebagai asas penghujahan Gibb untuk merelevankan penjelasan penuh ke atas teori politik Islam-Sunni. Sarjana Islam seperti Eltigani Abdulqadir Hamid pula pernah menyatakan bahawa segala idea politik Al-Mawardi telah diperincikan melalui *Al-Ahkam al-Sultaniyya* dan kebanyakan pengkaji pemikiran dan falsafah hampir terlepas pandang akan beberapa kitab Al-Mawardi yang lain seperti *Adab al-Dunya wa al-Din*, *Qawanin al-Wizara*, *Tashil al-Nadhar wa Ta'jil al-Dafar* dan *Nasihat al-Muluk*. Kitab *Al-Ahkam al-Sultaniyya* pernah dihujahkan sebagai salah satu karangan pertama di dalam sejarah Islam yang membahaskan secara saintifik mengenai sains politik dan pentadbiran kenegaraan. Pada zaman Al-Mawardi, politik, kuasa dan pilihan raya mungkin difahami melalui kerangka kenegaraan yang berbeza berbanding dengan pemahaman kontemporari yang sering kali menekankan identiti global yang menjurus dan merentasi garisan kemasyarakatan dan idea pembangunan yang bersifat tidak statik.

Melalui *Kitab al-Kharaj* yang dikarang oleh Qadi Abu Yusuf semasa di bawah tampuk pemerintahan Harun al-Rashid dari Dinasti Abasiyyah, Al-Mawardi mengeluarkan nilai-nilai penting daripada penulisan tersebut sebagai rujukan khusus untuk dimuatkan ke dalam *Al-Ahkam al-Sultaniyya*. Walaupun Al-Mawardi bukanlah sarjana pertama yang berkecimpung di dalam disiplin teori politik Islam namun beliau mula mengatur langkah dengan mengumpulkan isi kandungan penting yang berkaitan dengan perundangan awam dan seterusnya meletakkan ia ke dalam sebuah bentuk penulisan yang sistematik. Malah, tidak hairan jikalau Al-Mawardi diposisikan sebagai sarjana yang mempunyai autoriti untuk membahaskan mengenai sains politik Islam. Koridor autoriti ini disokong dengan kesungguhan yang dipamerkan oleh beliau untuk memposisikan permasalahan intelektual yang terdapat di dalam teori politik Islam dengan menyorot literatur pemikiran politik yang pernah wujud sebelum zaman beliau.

Tujuan utama pembentukan kerajaan membawa kepada pelbagai jenis tafsiran. Seperti yang boleh difahami di dalam konteks pemikiran Barat, di mana penubuhan kerajaan itu adalah untuk menstabilkan masyarakat dengan menerapkan nilai-nilai demokratik ke dalam institusi-institusi asas. Akan tetapi, di dalam konteks Islam, asas kepada pembentukan kerajaan itu menyentuh persoalan epistemologikal dan metafizik seperti posisi Tawhid di dalam kerangka politik dan kenegaraan. Terdapat hujah lain yang mengatakan bahawa sistem politik Barat berpegang utuh kepada pemisahan agama dan politik di dalam ruang lingkup kehidupan manusia manakala Islam pula berpegang kepada penyatuan yang harmoni di antara kedua-duanya. Maka, tugas hakiki sesebuah kerajaan itu adalah untuk mempertahankan Islam sebagai gaya hidup. Dalam hal ini, Al-Mawardi juga berpendapat bahawa sistem politik Islam ini merupakan kesinambungan daripada fungsi tradisi kenabian zaman dahulu dan bertindak sebagai benteng untuk mempertahankan kepercayaan dan sumber pentadbiran negara yang dominan.



Di dalam Al-Ahkam al-Sultaniyya, Al-Mawardi telah memperincikan dengan jelas mengenai hala tuju kuasa dari perspektif Islam. Beliau berhujah bahawa Tuhan merupakan punca kuasa yang utama dan pemimpin telah diutuskan oleh-Nya untuk bertindak sebagai penyambung kepada legasi kenabian dan juga sebagai pembimbing ummah. Urusan penting seperti pengurusan politik telah ditugaskan kepada manusia agar mereka boleh mencari titik persamaan yang disepakati ramai. Dihujahkan bahawa konsep seperti Imamah atau kepimpinan adalah perkara asas yang utama di dalam sesebuah entiti kenegaraan dan melalui Imamah juga kepentingan awam di dalam kerangka ummah boleh dipelihara dan dikekalkan. Justeru itu, pembentukan Imamah boleh direalisasikan melalui dua cara iaitu melalui; proses pilihan raya bagi mereka yang mempunyai kuasa dan pengaruh serta melalui perwakilan imam atau pemimpin yang terdahulu. Penghujahan Al-Mawardi mengenai posisi kuasa itu menjelaskan bahawa pemilihan imam mestilah dilakukan secara tertib dan sistematik dan Al-Mawardi juga telah memperincikan beberapa kualiti utama yang perlu dimiliki oleh seorang imam. Seperti yang pernah diutarakan oleh Plato di dalam *The Republic* mengenai kepentingan kualiti seorang raja berfalsafah di mana ia merangkumi kemahiran politik dan ilmu kefalsafahan. Al-Mawardi juga menekankan prinsip yang sama di mana seseorang imam itu perlulah berlaku adil dan saksama dan memiliki kebijaksanaan dalam hal yang berkaitan dengan pemerintahan.

Akhir sekali boleh disimpulkan bahawa sumbangan Al-Mawardi di dalam disiplin sains politik Islam adalah signifikan. Penghujahan Al-Mawardi mengenai konseptual politik, kuasa, dan pilihan raya direncanakan sebaik mungkin dengan bersandarkan secara khusus ke atas peranan ilmu wahyu yang merangkumi segala aspek gaya kehidupan manusia. Sebahagian besar ayat di dalam Al-Quran tidak membincangkan secara khusus mengenai apakah jenis sistem politik yang benar-benar sesuai yang boleh diadaptasi sepenuhnya. Hal ini memberikan satu signal atau isyarat yang substantif bahawa Tuhan mengiktiraf peranan politik yang dimainkan oleh hamba-Nya dengan syarat bahawa Tawhid dijadikan sebagai tunjang utama dalam apa jua bentuk hubungan sesama manusia. Kerangka yang diilhamkan oleh Al-Mawardi mencadangkan bahawa autoriti politik adalah satu keperluan yang setara dengan penggunaan akal dan autoriti politik Islam seperti Imamah merupakan kombinasi di antara keperluan dan justifikasi akal yang tidak tergelincir dari kerangka ilmu wahyu. Oleh itu, teori sains politik Islam masih lagi relevan untuk dijadikan sebagai instrumen untuk menganalisis permasalahan sosial yang bersifat semakin kompleks dari zaman ke zaman.

Mengesan Perasaan Melalui Teks: Kenali Asas Analisis Sentimen


Rozianiwati Binti Yusof & Nor Azlina Aziz Fadzillah

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Kampus Seremban

Perkembangan teknologi pada masa kini memberi pendedahan kepada orang ramai untuk menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian. Mereka menjadi keyboard warrior dan lebih berani tampil di alam maya berbanding alam yang nyata. Selain itu, mereka turut meluahkan dan memberi pendapat di media sosial dengan lebih telus dan tanpa memikirkan kesan ke atas persekitaran mereka. Media sosial pada era pandemik ini telah menjadi medan untuk berdebat dan menyebarkan sesuatu isu. Aplikasi seperti Facebook, Twitter dan Instagram merupakan antara media sosial yang agak popular di Malaysia. Menurut laman web Statista (2022), terdapat 2910 juta pengguna Facebook, 436 juta Twitter dan 1478 juta pengguna Instagram sehingga tahun 2022. Kesan pertambahan pengguna yang ramai bagi media sosial telah menghasilkan lonjakan data yang tidak terduga dan dipanggil sebagai data raya. Penghasilan data yang besar tanpa penggunaan yang maksimum adalah amat merugikan. Oleh itu, analisis sentimen amat penting bagi memastikan data yang terhasil dapat digunakan sepenuhnya.

Analisis sentimen yang merupakan sebahagian daripada bidang *Natural Language Processing* (NLP) yang merupakan satu bidang yang agak popular selaras dengan perkembangan teknologi sekarang ini.

Bidang ini diperlukan untuk memproses data bagi mengenal pasti perasaan atau emosi seseorang yang dikeluarkan melalui bahasa atau perkataan samada melalui percakapan atau penulisan. Apabila seseorang berkomunikasi, jarang sekali mereka akan berterus terang. Sebaliknya mereka menganggap orang lain faham mengenai maksud yang ingin disampaikan. Namun begitu, terdapat juga kes yang melibatkan sarcasm atau bahasa yang digunakan untuk memperli seseorang. Maka, analisis sentimen merupakan satu bidang yang akan menganalisis maksud di sebalik perkataan atau percakapan yang dilontarkan. Walaupun manusia menggunakan pelbagai bahasa sebagai perantara komunikasi, tetapi setiap bahasa mempunyai sentimen yang boleh menentukan perasaan seseorang, samada ia bersifat positif, negatif atau neutral.



Bidang analisis sentimen ini agak meluas dan boleh dikaji melalui pelbagai perspektif, antaranya penggunaan bahasa yang berbeza seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Arab dan Mandarin. Selain itu juga, ia boleh memfokuskan terhadap percakapan dan juga penulisan. Artikel ini membincangkan berkenaan analisis sentimen dalam bentuk penulisan iaitu teks.


Pada era digital ini, penggunaan internet yang berleluasa terutamanya di media sosial, e-dagang dan pembelajaran atas talian memberi peluang kepada pengguna meluahkan pendapat mereka secara terus dalam bentuk teks. Sebagai contoh, mereka dapat berdebat mengenai sesuatu isu yang tular di media sosial, memberi testimoni terhadap perkhidmatan atau produk yang digunakan serta meluahkan pendapat di sesebuah platform. Sebagai contoh, web e-dagang yang popular seperti Shopee menyediakan ruang kepada pengguna untuk memberi komen terhadap sesuatu produk. Pengguna akan memberi komen samada positif, negatif atau sekadar menyatakan pendapat yang neutral iaitu tidak menyokong atau mengkritik sesuatu produk. Walau bagaimanapun, komen yang diberi dapat menghasilkan sesuatu yang bermaklumat jika dianalisis dengan cara yang betul. Sebagai contohnya, daripada komen-komen yang diberi, penjual dapat mengenal pasti faktor yang menyebabkan pengguna berminat dengan produk atau mengkritik produk tersebut. Dengan in, pengguna mungkin dapat menghasilkan produk baharu atau memperbaiki produk sedia ada. Selain itu, penjual juga dapat menawarkan produk lain yang seakan-



akan dengan produk yang pernah dibeli sebelum ini dan mensasarkan jualan terhadap pengguna tertentu sahaja. Oleh itu, analisa sentimen adalah amat penting dalam menganalisis data bagi memberi keputusan kepada penjual terhadap produk yang sedia ada. Ini kerana, keupayaan manusia adalah amat terhad untuk membuat kesimpulan atau mencari corak (pattern) berdasarkan data-data yang banyak dan dihasilkan setiap hari.

Bagi menganalisis sentimen, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi. Antaranya ialah penggunaan bahasa dalam komunikasi. Setiap orang mempunyai gaya bahasa yang tersendiri dalam komunikasi samada melalui percakapan atau penulisan. Oleh itu, agak sukar untuk sesuatu mesin seperti komputer memproses dan mentafsir maksud komunikasi tersebut berbanding dengan manusia. Selain itu, setiap bahasa juga mempunyai sintak, semantik dan perkataan yang berbeza-beza. Maka, cara pengolahan analisis sentimen adalah berbeza mengikut jenis bahasa yang dianalisis.


Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai perisian yang dapat membantu dalam menjalankan analisis sentimen. Antaranya, penggunaan pustaka program yang terdapat dalam pengaturcaraan Python dan R, perisian Rapid Miner dan Weka. Di samping itu juga, terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan bagi menghasilkan suatu model analisis sentimen atau dikenali sebagai model pengkelasan untuk mengenal pasti pendapat-pendapat pengguna melalui teks atau mesej. Sebagai contoh, analisis sentimen telah dilakukan menggunakan perisian Rapid Miner bagi mengesan pendapat orang ramai terhadap vaksin yang diterima oleh kerajaan Malaysia iaitu Astra Zeneca, Pfizer dan Sinovac. Sebanyak 2001 data dikumpul daripada aplikasi Twitter menggunakan Twitter API yang terdapat dalam Rapid Miner. Rajah 1 di bawah menunjukkan langkah-langkah penting dalam menghasilkan model analisis sentimen.



Rajah 1: Proses Penghasilan Model Analisis Sentimen

Tiga langkah utama iaitu pembersihan data, permodelan data dan penilaian model akan melibatkan penggunaan beberapa teknik yang telah disenaraikan di dalam perisian Rapid Miner. Langkah pertama adalah pembersihan data. Ia merupakan proses yang amat penting bagi memastikan model atau keputusan yang dihasilkan adalah tepat. Kebanyakan data-data yang diambil daripada media sosial perlu dibersihkan terlebih dahulu. Ini kerana penggunaan ayat di media sosial adalah tidak mengikut tatabahasa dan ejaan yang betul. Terdapat juga perkataan yang perlu dibuang kerana bertindak sebagai penguat ayat sahaja. Emoji-emoji di dalam ayat juga mengganggu proses permodelan data, yang mana ia perlu dibuang atau ditafsirkan jika memberi sesuatu makna di dalam ayat. Walau bagaimanapun, kaedah pembersihan data ini bergantung kepada jenis bahasa yang digunakan.

Manakala langkah kedua iaitu permodelan data dihasilkan dengan menggunakan teknik-teknik daripada bidang machine learning seperti decision tree, naïve bayes, neural network dan sebagainya. Teknik-teknik yang digunakan bertujuan supaya komputer atau mesin dapat mempelajari corak atau kesimpulan yang dihasilkan daripada data yang dikumpul. Corak yang dihasilkan akan digunakan untuk mengenal pasti jenis pendapat yang diberikan oleh pengguna. Contohnya, berdasarkan mesej atau perbincangan daripada Twitter terhadap vaksin-vaksin, model yang dihasilkan mendapati ramai yang memberi reaksi negatif berbanding positif terhadap vaksin yang digunakan (Rajah 2). Reaksi atau pendapat ini dikesan melalui perkataan-perkataan yang digunakan di dalam teks. Corak ayat-ayat positif, negatif atau neutral dikenalpasti dengan menggunakan teknik daripada machine learning.



Rajah 2: Pendapat pengguna-pengguna Twitter terhadap vaksin

Pengukuran juga dapat dilakukan mengikut kategori vaksin di mana vaksin berjenis Astrazeneca mendapat banyak reaksi negatif. Manakala vaksin Pfizer mendapat banyak reaksi positif dan ramai yang sekadar memberi fakta terhadap vaksin Sinovac. Ketepatan suatu model yang dihasilkan dapat diukur menggunakan ukuran Accuracy, Sensitivity, Specificity dan Recall. Ini adalah kerana, ketepatan suatu model yang dihasilkan adalah amat penting bagi memastikan keputusan yang diperoleh adalah tepat. Berdasarkan contoh yang dibincangkan, model yang dihasilkan ini dapat meramal reaksi pengguna terhadap vaksin dengan menggunakan teks atau mesej dengan peratus ketepatan mencapai 81.78%. Model yang dihasilkan ini boleh dikatakan agak tepat. Walau bagaimana pun, nilai ketepatan sesuatu model juga bergantung kepada domain data yang digunakan.

Oleh itu, data-data yang dihasilkan daripada penggunaan teknologi yang semakin canggih haruslah digunakan secara maksimum. Ini adalah kerana sejumlah data yang besar dapat memberi impak yang ketara jika dianalisis dengan cara yang betul. Penghasilan data raya terutamanya teks-teks daripada media sosial dapat membantu mengembangkan lagi sektor-sektor yang lain dengan penghasilan model analisis sentimen yang dapat membantu membuat sesuatu keputusan.

Rujukan

Laman Web Statistica. (April 24, 2022). <https://www.statista.com/statistics/272014/global-social-networks-ranked-by-number-of-users/>.

Pembayaran Dividen dan Kepentingannya

Fadhirul Hisham Aziz

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Kampus Seremban



Dividen adalah satu bentuk pulangan yang diberi ke atas pelaburan yang dilakukan oleh individu dan juga entiti korporat. Pembayaran dividen selalunya dibuat dalam bentuk tunai, di mana syarikat-syarikat akan mengumumkan jumlah dividen bagi setiap unit saham yang dipegang oleh pelabur. Dividen juga diumumkan melalui peratusan yang akan diterima bagi simpanan yang dibuat seperti di dalam unit amanah. Pengumuman jumlah dividen yang akan dibayar kebiasaannya akan dilakukan selepas tahun kewangan berakhir bagi setiap tahun. Namun, pengumuman pembayaran dividen juga boleh dilakukan di antara dua mesyuarat Agung Tahunan.

Pelabur pasti akan mengharapkan peningkatan dalam jumlah dividen yang akan dibayar setiap tahun. Namun, sebelum sebarang harapan atau jangkaan mengenai jumlah yang akan diterima dibuat, terdapat beberapa faktor penentu yang mempengaruhi keputusan pembayaran dividen yang dibuat. Antara faktor penentu kepada pembayaran adalah seperti keuntungan, saiz syarikat, peluang pelaburan, dan juga keberhutangan.

Keuntungan syarikat sangat mempengaruhi kecenderungan pembayaran dividen yang dibuat, namun ianya bukanlah satu jaminan. Ini kerana melalui keuntungan yang dijana, dana tersebut boleh digunakan untuk menambah lagi nilai syarikat melalui pelaburan dalam projek yang memberi nilai semasa yang positif dan mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman. Pembiayaan luar sama ada melalui pinjaman atau pun ekuiti akan menambah kos kepada syarikat seperti faedah atas pinjaman dan juga menyebabkan pengecilan dalam peratusan pemilikan saham. Pembayaran dividen pula, walaupun akan menggembirakan pemegang saham, namun, dalam masa sama akan mengurangkan dana tunai yang boleh digunakan untuk menaikkan lagi nilai syarikat.

Mengambil kira faktor-faktor tersebut, keputusan pembayaran dividen selalunya tertakluk kepada polisi dividen yang diamalkan oleh syarikat. Terdapat beberapa polisi dividen yang diguna pakai oleh entiti korporat seperti dividen polisi tetap, di mana pada setiap tahun, pembayaran dividen dibuat mengikut peratusan tetap dari keuntungan yang dicatatkan. Sebagai contoh syarikat menetapkan 30% daripada keuntungan yang dicatatkan akan dibayar sebagai dividen kepada pemegang saham. Dengan ini, jumlah pembayaran dividen akan meningkat pada tahun yang mencatatkan keuntungan yang tinggi dan rendah pada situasi yang sebaliknya.



Selain itu, syarikat juga mengamalkan polisi dividen lebih (residual dividend policy) di mana dividen hanya akan dibayar jika terdapat lebih daripada keuntungan setelah semua perbelanjaan modal diambil kira. Melalui polisi ini, syarikat dapat menampung kos perbelanjaan dan pada masa yang sama memenuhi jangkaan dan harapan pemegang saham terhadap dividen.

Menurut laporan Janus Global Dividend Index Report, dividen syarikat di Malaysia meningkat dari USD 3.5 billion pada tahun 2020 kepada USD 4.7 billion pada tahun 2021, berada pada tangga ke 8 dari 20 negara dalam kategori 'Emerging Markets'. Peningkatan ini sedikit sebanyak menunjukkan syarikat di Malaysia beransur pulih dari impak Covid-19 dan limpahan ini semestinya dapat dirasai oleh semua pemegang taruh. Di samping itu, walaupun individu tidak melabur dalam syarikat awam yang tersenarai, pemegang saham institusi yang mempunyai pegangan ekuiti dalam syarikat awam, seterusnya membantu dalam menjamin pembayaran dividen dalam unit amanah seperti dalam ASB.

Pengumuman dividen khususnya dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) semestinya dinantikan oleh rakyat pada setiap tahun. Bagi tahun 2021, KWSP mengumumkan pembayaran dividen yang lebih tinggi dari tahun 2020 di mana sebanyak 6.10% dan 5.65% berbanding 5.20% dan 4.90% yang telah dibayar bagi simpanan konvensional dan simpanan syariah. Pengumuman ini semestinya menggembirakan rata-rata pencarum KWSP, tambahan pula, dengan pengumuman terbaharu di mana kerajaan meluluskan pengeluaran RM10,000 dari akaun KWSP mereka. Ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban pencarum yang masih bergelut dengan impak Covid-19.

Walaupun terdapat kesan negatif pengeluaran dari akaun KWSP kepada pencarum, namun begitu, sisi positif pengeluaran tersebut juga perlulah dilihat seperti peningkatan perbelanjaan yang mampu membantu menjana ekonomi lebih-lebih lagi dalam keadaan rakyat Malaysia membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri di samping menjaga kemaslahatan rakyat.

Bagi pelaburan di ASB pula, dividen yang diumumkan boleh mempengaruhi keputusan pemegang unit untuk kekal melabur. Pada individu yang membuat pinjaman bank dan meletakkan wang pinjaman tersebut di dalam ASB, mereka semestinya mengharapkan dividen yang diterima setidak-tidaknya dapat menampung pembayaran tahunan ke atas pembiayaan pinjaman tersebut. Namun, jika mereka harus mengeluarkan wang tambahan untuk menampung kos tersebut, terdapat kemungkinan yang mereka akan menjual kesemua unit tersebut.

Natijahnya, pembayaran dividen amatlah penting. Ini kerana impak pembayaran tersebut dapat dirasai oleh semua pemegang taruh sama ada syarikat dan juga individu. Namun, pelabur harus sedar bahawa keputusan pembayaran dividen adalah sukar untuk dibuat. Ini adalah kerana kemampuan untuk membayar dividen dipengaruhi oleh pelbagai faktor di samping ianya juga mampu mempengaruhi nilai syarikat.



Pendidikan Untuk Pelarian Tidak Berkerakyatan (PTB)

Mohd Ramlan Mohd Arshad (Dr.)

Fakulti Sains Sosial dan Pengajian Polisi, UiTM Kampus Seremban

Malaysia telah menjadi negara untuk berlindung bagi pelarian yang berasal dari dalam atau luar Asia Tenggara. Namun, Malaysia tidak meratifikasikan Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 malah Akta Imigrasi 1959/63 yang telah digubal juga tidak menyatakan dengan jelas perihal layanan ke atas pelarian. Namun, atas prinsip kemanusiaan, kerajaan Malaysia telah menandatangani Deklarasi Sejagat Untuk Hak Asasi Manusia (UDHR) pada tahun 1948. Selain itu, semasa Persidangan Dunia PBB Bagi Hak Asasi Manusia di Vienna pada tahun 1993 kerajaan telah menegaskan komitmennya terhadap Deklarasi Hak Asasi Manusia (HAM). Hal ini telah diperkukuhkan melalui Seksyen 4 (4) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Akta 597) yang membenarkan kerajaan untuk mempertimbangkan penggunaan Artikel 14 UDHR dalam menangani masalah pelarian selagi ia tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan. Artikel 14 UDHR adalah berkaitan hak pelarian untuk mendapatkan perlindungan suka daripada negara lain. Hal ini sejajar dengan komitmen kerajaan Malaysia melalui kaedah non-refoulement seperti kenyataan Mantan Perdana Menteri Malaysia, Muhyiddin Yassin iaitu:

"...Justeru, sekiranya hasil siasatan juga mendapati bahawa PATI etnik Rohingya tersebut memerlukan perlindungan antarabangsa berdasarkan kepada prinsip non-refoulement yang diguna pakai di peringkat antarabangsa dan pengecualian yang diberikan kepada warga asing yang mungkin memerlukan perlindungan antarabangsa oleh pihak UNHCR, atas dasar kemanusiaan, golongan ini mungkin tidak diusir dan dibenarkan untuk berada secara sementara di dalam negara sehingga mereka ini ditempatkan ke negara ketiga yang lain atau pulang ke negara asal apabila krisis di wilayah Rakhine, Myanmar mulai reda."

(Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 13 Julai 2020)





Hal ini juga dijelaskan oleh Majlis Peguam Malaysia melalui kenyataan berkaitan Undang-undang Ekstradisi yang diaplikasikan di Malaysia seperti berikut:

"Di bawah Seksyen 8 Akta Ekstradisi 1992, terdapat larangan terhadap ekstradisi dalam keadaan tertentu, termasuk: (1) jika kesalahan yang berkaitan dengannya pemulangan [seseorang] dimohon adalah berciri politik atau dia membuktikan kepada Menteri bahawa waran itu kerana kepulungannya sebenarnya telah dibuat dengan tujuan untuk membicarakan atau menghukumnya atas kesalahan yang bersifat politik; (2) jika permintaan untuk penyerahannya walaupun dikatakan dibuat untuk kesalahan ekstradisi sebenarnya dibuat untuk tujuan mendakwa atau menghukum orang itu kerana bangsa, agama, kewarganegaraan atau pendapat politiknya; atau (3) jika dia mungkin berprasangka semasa perbicaraannya atau dihukum atau dipenjarakan oleh sebab bangsa, agama, kewarganegaraan atau pendapat politiknya."

(Kenyataan Media Majlis Peguam Malaysia, 17 Mei 2019)

Walaupun kerajaan tidak pernah mengiktiraf status pelarian namun tindakan kerajaan mengaplikasikan prinsip kemanusiaan adalah suatu usaha yang baik bagi memastikan keselamatan nyawa pelarian yang tidak berkerakyatan (PTB) iaitu etnik Rohingya tidak terabai. Hujahan ini berdasarkan kepada kenyataan oleh Pegawai Tinggi Tentera (Temu bual, 25 November 2020) iaitu:

"Kerajaan Malaysia menghargai nyawa dan meletakkan nilai nyawa manusia pada tahap tertinggi. Ini adalah berbeza dengan beberapa negara lain yang saya pernah lawati yang kadang kala hanya biarkan sahaja golongan pelarian Rohingya terbunuh di lautan terutamanya. Di Malaysia, walaupun pihak Angkatan Tentera ingin melakukan tindakan pemusingan semula ke laut tetap bekalan makanan dan minuman diberikan terlebih dahulu. Inilah dasar kemanusiaan yang kita lakukan dalam operasi-operasi yang berbentuk bukan ketenteraan. Kita nak memastikan keselamatan nyawa mereka tidak terabai walaupun pada asasnya kerajaan tidak ada sebarang tanggungjawab ke atas pelarian".

Oleh itu, bagi golongan PTB, kerajaan sememangnya tidak mempunyai sebarang obligasi wajib untuk memenuhi tuntutan hak asasi mereka misalnya dalam isu pendidikan. Walaupun Artikel 28, Konvensyen UNICEF menyatakan bahawa tiada golongan yang dihalang daripada mendapatkan pendidikan namun realitinya terdapat kesukaran bagi negara penerima seperti Malaysia yang tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Sehubungan dengan itu, antara pihak yang bertanggungjawab untuk memberikan bantuan pendidikan untuk kumpulan PTB ialah pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO).

NGO melalui kefahaman umum merupakan elemen kepada masyarakat sivil yang bertindak untuk melindungi sekumpulan insan yang terkeluar daripada sasaran oleh pihak kerajaan. Oleh itu, bagi golongan PTB, hak pendidikan mereka dipenuhi oleh pihak NGO yang telah berusaha untuk memberikan akses pendidikan terbaik kepada mereka. PTB seperti etnik Rohingya mengalami nasib malang kerana di Arakan/Rakhine mereka dihalang daripada mendapatkan pendidikan secara formal dan tersusun. Hal ini tidaklah menghairankan jika mereka yang datang dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa di Malaysia majoritinya adalah buta huruf atau mempunyai level kognitif yang rendah. Disebabkan isu pendidikan adalah hak sejagat yang perlu diberi akses tanpa mengira kaum, agama, latar belakang dan status seseorang maka pihak kerajaan Malaysia telah membenarkan PTB mendapatkan pendidikan di Pusat Bimbingan Alternatif (PBA).

Hal ini dijelaskan oleh Timbalan Menteri Tugas-tugas Khas, JPM, Mastura Mohd Yazid seperti berikut:

“Dalam aspek pendidikan, Kerajaan secara dasarnya juga telah menetapkan bahawa golongan ini boleh mendapatkan akses kepada kemudahan pendidikan di Pusat Bimbingan Alternatif (PBA) yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti pelarian, Institusi Pendidikan Swasta dan UNHCR.”

(Penyata Dewan Rakyat, 8 September 2020)

Lantaran daripada pendirian kerajaan ini, pihak NGO telah berusaha untuk memenuhi keperluan untuk memberi akses kepada PTB terutamanya golongan kanak-kanak etnik Rohingya di Malaysia. Usaha ini dijalankan dengan dua kaedah, yang pertama adalah dengan cara menubuhkan PBA dengan kerjasama pertubuhan dan pemimpin pelarian Rohingya. Manakala, cara yang kedua adalah dengan menawarkan kelas-kelas akademik dan kemahiran terutamanya kepada golongan kanak-kanak. Namun, golongan dewasa juga turut diberi tempat untuk menimba ilmu dan kemahiran. Persoalannya, apakah dengan memberi ilmu dan kemahiran kepada PTB bermakna pihak NGO tidak mengendahkan rakyat tempatan?. Selain itu, adakah perlu untuk bersikap sinis dengan pihak NGO?. Jawapannya adalah jelas tidak, ini adalah kerana telah wujud begitu banyak pihak NGO yang memperjuangkan nasib bangsa dan rakyat Malaysia. Usaha pihak NGO ini, tidak lagi boleh dipertikaikan mengenai keberkesanan pihak NGO dalam membantu rakyat tempatan.

Namun, jika PTB tidak dibantu, tiada lagi mana-mana pihak yang dapat melaksanakan tuntutan untuk memberi pelajaran serta memandaikan golongan PTB ini. Bahkan, jika pengiktirafan diberi kepada pihak NGO yang menjalankan usaha murni untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran, tidak mustahil bahawa Malaysia bakal menjadi sebuah negara pertama yang menjadi hub pelatih kepada golongan pelarian. Hasil daripada usaha murni ini, PTB yang telah dilatih boleh dilantik sebagai tenaga separa pakar dalam sektor-sektor utama negara. Ini bukanlah satu idea yang baharu, kerana pihak NGO dan kerajaan pernah melaksanakan hal seperti ini ke atas pelarian dari Bosnia Herzegovina. Umum mengetahui bahawa pelarian Bosnia terkesan teruk akibat kejatuhan Kesatuan Soviet (USSR) yang menyebabkan munculnya negara Bosnia dan Montenegro. Pelarian Bosnia pernah mendapat perhatian serius oleh kerajaan dan pihak NGO umpamanya Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Kerajaan telah menyediakan ruang dan peluang kepada mereka untuk mendapatkan pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan pertimbangan kemasukan khas ke program yang ditawarkan di UIA. Maka, kaedah yang sama boleh juga diguna pakai kepada PTB yang mendapatkan perlindungan nyawa di negara ini.

Selanjutnya, kewujudan PBA untuk memberi pendidikan kepada golongan PTB ini merupakan satu mekanisme yang baik bagi memastikan proses integrasi dengan masyarakat tempatan berjalan dengan lancar.



Aktiviti kemahiran di REC

Walaupun terdapat persepsi negatif terhadap usaha ini kerana wujudnya kes-kes yang kurang menyenangkan umpamanya isu 'Long Tiger', namun adalah tidak adil untuk menganggap semua PTB adalah penjenayah dan tidak mengenang budi. Bagi PTB yang sudah berada di Malaysia, pendidikan adalah salah satu faktor yang boleh merapatkan jurang di antara mereka dan masyarakat awam. Hakikatnya, golongan PTB sudah pun tinggal di kawasan perumahan sama seperti rakyat tempatan. Mereka sudah pun mula bekerja dengan rakyat tempatan, serta melaksanakan aktiviti harian seperti makan dan minum di gerai-gerai bersama rakyat tempatan. Malah, mereka juga telah bersama-sama beribadah dengan masyarakat tempatan. Melalui perubahan seperti ini, didapati bahawa proses integrasi ini telah pun berlaku dalam kelompok masyarakat, namun ia masih perlu dikawal selia dengan memastikan tahap keilmuan, kemahiran, kefasihan berbahasa Malaysia serta golongan PTB juga perlu untuk menghormati budaya setempat.

Hal ini boleh dicapai melalui pendidikan kerana kurikulum dan kokurikulum yang tersedia telah menerapkan elemen-elemen tersebut. Perkara ini dapat disaksikan di sebuah PBA bernama Sekolah Al-Ikhlas Rohingya yang berada di Selayang, Selangor. Golongan PTB terutamanya kanak-kanak telah diajar bahasa Malaysia dan diberi pendidikan patriotisme tanpa melupakan negara asal usul mereka. Selain itu, subjek pendidikan Islam dan adab serta budaya setempat turut diajar bagi memastikan kanak-kanak ini boleh meneruskan proses sosialisasinya bersama rakyat tempatan.

Akhirnya, pendidikan adalah hak asasi untuk semua golongan tanpa mengira siapa dan asal usul mereka. Pendidikan merupakan elemen penting dalam pembangunan negara, bangsa dan agama.

Tiada sesiapa sepatutnya diabaikan daripada mendapatkan pendidikan termasuklah golongan PTB yang berlindung di negara Malaysia yang dicintai ini. Hal ini kerana pendidikan bakal memberi impak kepada perjalanan hidup seorang insan dalam jangka masa pendek mahupun dalam usaha menempuh ranjau perjalanan yang masih panjang jika diizinkan Tuhan. Oleh itu, semua pihak perlu bersama-sama menyokong usaha murni ini untuk memberikan pendidikan kepada semua golongan yang terbiar dan tertindas terutamanya kepada golongan PTB. Percayalah, jika masyarakat sivil tidak menjalankan usaha memberikan pendidikan, golongan PTB tiada lagi dahan untuk mereka berpaut. Akhirnya, dibimbangi mereka akan memilih jalan hitam dengan terlibat sebagai penjenayah bagi menampung kehidupan yang semakin menekan dari hari ke hari.



Penglibatan Aktiviti Sukan Rekreasi Dalam Kalangan Pelajar

Hasmiza Abdul Majeed

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Kampus Seremban

Borhannudin Abdullah (Dr.), Rozana Dev Omar Dev (Dr.) & Aini Marina Ma'rof (Dr.)

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Sukan rekreasi merupakan rekreasi fizikal yang dilakukan pada waktu lapang, tanpa sebarang paksaan, dan bermatlamat untuk mencari kesejahteraan. Penglibatan dalam sukan rekreasi dapat memberi banyak kebaikan dan kemaslahatan kepada segenap lapisan masyarakat termasuk golongan pelajar. Ianya dapat memberi kesan yang positif daripada sudut psikologi dan sosial (Eime et al., 2013), kebaikan dari aspek mental dan fizikal, (Gísladóttir et al., 2013) mengurangkan tekanan dan kemurungan (Sabiston et al., 2016), dan kebaikan dalam aspek akademik serta fungsi sosial (Van Boekel et al., 2016).



Namun dalam era globalisasi ini, penglibatan aktiviti sukan rekreasi dilihat semakin berkurangan dalam kelompok masyarakat termasuklah dalam kalangan para pelajar. Tambahan lagi, kurangnya penglibatan anggota masyarakat dan golongan pelajar dalam aktiviti sukan dilihat semakin ketara ketika pandemik COVID-19 seperti yang dilaporkan oleh beberapa kajian yang telah dilakukan oleh Ammar et al. (2020), Ruíz-Roso et al. (2020), dan Pišot et al. (2020). Keadaan ini sepatutnya tidak berlaku dan tidak boleh dipandang ringan kerana aktiviti sukan dan rekreasi ini dapat memberi pelbagai manfaat dan faedah dalam kehidupan manusia seperti yang telah dinyatakan.



Oleh yang demikian, terdapat beberapa faktor yang perlu diberi perhatian dalam menangani isu kurangnya penglibatan dalam sukan rekreasi ini. Faktor-faktor ini telah dilihat dapat menjadi pemangkin dan menggalakkan penglibatan seseorang individu itu dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Faktor ini terdiri daripada dua faktor utama: faktor sokongan sosial dan faktor persekitaran. Faktor sokongan sosial merujuk kepada sokongan rakan-rakan dan juga ahli keluarga.

Faktor sokongan sosial yang dimaksudkan adalah sokongan daripada rakan-rakan yang dilakukan dengan cara memberi kata semangat, memberi khidmat nasihat dan bimbingan, bersama-sama menonton serta turut terlibat dalam aktiviti sukan dan rekreasi tersebut. Selain itu, sikap berkongsi alatan sukan juga merupakan satu bentuk sokongan yang boleh ditunjukkan oleh rakan-rakan.

Sokongan daripada ahli keluarga pula dipamerkan dengan memberi sokongan dari beberapa aspek samada sokongan moral, kewangan dan sama-sama meluangkan masa untuk berekreasi. Ini secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan juga menjalinkan kemesraan, kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga. Ibu bapa perlu memberikan sokongan kewangan kepada anak-anak yang masih belajar bagi membolehkan anak-anak mereka melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi yang memerlukan keperluan peralatan sukan dan pengangkutan. Ibu bapa juga haruslah membantu menguruskan masa anak-anak bagi menyeimbangkan perkembangan mereka agar kekal aktif dan berjaya dalam pelajaran. Ibu bapa atau ahli keluarga juga boleh menjadi contoh teladan (*role model*) yang berfungsi sebagai pendorong dalam melibatkan diri dengan aktiviti sukan dan rekreasi.

Selain itu, faktor persekitaran juga dapat mempengaruhi penglibatan seseorang individu di dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Antara faktor persekitaran tersebut adalah seperti faktor kemudahan atau prasarana serta keselamatan. Kemudahan atau prasarana yang disediakan perlu lah dalam kuantiti yang mencukupi bagi menggalakkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti sukan dan rekreasi ini. Aspek keselamatan persekitaran bersukan juga perlu diambil berat dalam memastikan keselamatan adalah-

terjamin di samping menggalakkan lagi penglibatan seseorang individu di dalam aktiviti sedemikian. Tambahan lagi, aspek keselamatan seperti aspek kebersihan tangan, dan penjarakan sosial juga perlu diambil kira dalam situasi negara yang telah memasuki fasa peralihan ke endemik.

Akhir kalam, setiap lapisan masyarakat termasuklah golongan pelajar perlulah melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi kerana aktiviti tersebut memberi banyak kemaslahatan dan kebaikan kepada manusia. Semoga niat murni pihak berkuasa bagi melahirkan keluarga Malaysia dan generasi muda yang sihat, cergas dan berkualiti akan tercapai.

AKTIVITI SUKAN REKREASI



Rujukan

- Ammar, A. et al. (2020). Effects of covid-19 home confinement on physical activity and eating behaviour Preliminary results of the ECLB-COVID19 international online-survey. *MedRxiv*. <https://doi.org/10.1101/2020.05.04.20072447>.
- Eime, R. M. et al. (2013). A systematic review of the psychological and social benefits of participation in sport for children and adolescents: informing development of a conceptual model of health through sport. *International Journal of Behavioral Nutrition and Physical activity*, 10(1), 1-21. <https://doi.org/10.1186/1479-5868-10-98>
- Gísladóttir, T. L. et al. (2013). The effect of adolescents' sports clubs participation on self-reported mental and physical conditions and future expectations. *Journal of Sports Sciences*, 31(10), 1139-1145. <https://doi.org/10.1080/02640414.2013.773402>
- Pišot et al. (2020). Maintaining everyday life praxis in the time of COVID-19 pandemic measures (ELP-COVID-19 survey). *European Journal of Public Health*, 30(6), 1181-1186. <https://doi.org/10.1093/eurpub/ckaa157>
- Ruíz-Roso, M. B. et al. (2020). Changes of physical activity and ultra-processed food consumption in adolescents from different countries during Covid-19 pandemic: An observational study. *Nutrients*, 12(8), 2289. <https://doi.org/10.3390/nu12082289>
Maklumbalas ahli jawatankuasa juga direkodkan bagi mendapatkan komen dan cadangan penambahbaikan bagi penganjuran program pada masa akan datang. Antara cadangan yang diberikan adalah beberapa ciri-ciri di sistem iCRESS Web 2.1 yang perlu dikemaskini bagi membolehkan penjanaaan jadual waktu kuliah dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan tidak memberi sebarang kekangan serta memenuhi keperluan kod kursus, pelajar dan pensyarah.

ACE: Assignment Made Easy

Nur Hakimah Md Sallehuddin, Sheela Paramasivam, Alice Shanthi (PM Dr.),

Nur Amirah Nabihah Zainal Abidin, Siti Noor Dina Ahmad,


Tengku Farah Petri Tengku Mahmood & Fatim Aliyah Binti Hassan

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

Pada 9 April 2022, bersamaan hari Sabtu, pihak Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan satu program pembangunan pelajar yang bertajuk ACE: Assignment Made Easy. Selari dengan trend perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) yang telah berubah kepada proses PnP secara dalam talian (online), UiTM secara keseluruhan telah melaksanakan PnP secara Online Distance Learning (ODL). Melalui anjakan paradigma ini, ilmu pengetahuan dan kemahiran menggunakan pelbagai aplikasi dalam talian telah menjadi satu keperluan kepada pelajar-pelajar serta para pensyarah dalam mengadaptasi PnP secara ODL.


Bertitik tolak daripada situasi dan keadaan semasa ini, APB UiTM CNS Kampus Seremban telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu sesi perkongsian dan latihan yang bersesuaian kepada para pelajar bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka menggunakan beberapa jenis aplikasi dalam talian. Program ini telah memberi pendedahan kepada para pensyarah dan juga pelajar khususnya mengenai tatacara penggunaan aplikasi penyuntingan dan juga laman sesawang yang boleh mereka gunakan bagi tujuan pembelajaran. Empat objektif utama program ini dijalankan adalah untuk:

1. Memberi pendedahan kepada para mahasiswa dalam menggunakan aplikasi penyuntingan untuk digunakan dalam tugas melalui website ACE yang telah direkacipta oleh sekumpulan pensyarah APB Kampus Seremban.
2. Memantapkan dan mengaplikasikan pengetahuan asas dalam perisian multimedia dalam kalangan mahasiswa selaras dengan objektif pendidikan Nasional IR 4.0 dan IR 5.0.
3. Melahirkan lebih ramai mahasiswa yang mahir dalam penggunaan perisian penyuntingan.
4. Melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi dan dapat berkolaborasi dalam pasukan untuk pembelajaran dalam talian (ODL).



Bagi program ini, pihak APB telah mensasarkan para pelajar yang telah mendaftar subjek ELC bagi semester Mac – Julai 2022 di UiTMCNS Kampus Seremban. Seramai 314 orang peserta yang terdiri daripada para pensyarah serta pelajar dari UiTMCNS telah hadir. Turut hadir bersama dalam program ini adalah Penolong Rektor UiTMCNS, Dr. Suhaimi Bin Hj. Abd. Samad dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTMCNS, Dr. Noorlis Binti Ahmad.

Program ini juga telah mendapat sambutan yang amat baik dengan kehadiran peserta yang melebihi jumlah sasaran pelajar yang dianggarkan. Selain itu, kehadiran pimpinan tertinggi UiTMCNS juga telah memberi impak positif melalui sokongan yang diberikan kepada pihak APB UiTMCNS Kampus Seremban khususnya dalam penganjuran program seperti ini. Pihak APB UiTMCNS Kampus Seremban juga akan terus komited dan berusaha dalam memberi perkhidmatan terbaik dengan menawarkan pelbagai bentuk latihan serta perkongsian ilmu pengetahuan melalui program-program menarik pada masa akan datang.



Sukan SEA Hanoi 2022: Saksi Keunggulan Zuhri Zain

Razif Sazali, Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Nur Dalilah Dahlan
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Kampus Seremban

Pelajar Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Kampus Seremban, Zuhri Muhammad Zain beraksi cemerlang di temasya Sukan Sea Edisi ke 31 dengan membawa pulang pingat Perak dalam sukan sepak takraw acara Regu Berpasukan.



Menurut Zuhri: *'Walaupun melalui saingan yang sangat sengit dari negara lain, saya berasa amat berpuas hati dengan pingat perak yang diperolehi. InshaAllah, saya akan sentiasa memperbaiki mutu permainan saya untuk menjadi lebih baik'.*

Tambah beliau, *"Menjadi pelajar dan atlet negara bukan suatu yang mudah, tetapi tidak mustahil. Terima kasih buat para pensyarah serta pengurusan UiTM khususnya di Kampus Seremban di atas sokongan berterusan dalam penglibatan saya sebagai seorang individu bergelar atlet kebangsaan".*

Kami daripada warga UiTM Kampus Seremban merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Saudara Zuhri!



Bengkel Webinar: Sesi Perkongsian Pensyarah Sains Komputer

Norhafizah Hashim, Normaziah Abdul Rahman, Nor Azlina Aziz Fadzillah, Rozaniwati Yusof & Sri Yusmawati Mohd Yunus.

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Kampus Seremban

Bertepatan dengan keperluan pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk membabitkan diri di dalam penyelidikan dan penulisan, satu perkongsian berbentuk sesi webinar di antara para pensyarah Jabatan Sains Komputer, FSKM Kampus Seremban telah diadakan pada 23 Mac 2022. Ia merupakan program tahunan bagi tujuan perkongsian ilmu dalam kalangan pensyarah Jabatan Sains Komputer sejak dari tahun 2021. Keberkesanan webinar yang lepas telah dapat dilihat melalui penghasilan penulisan, penerbitan, dan inovasi yang semakin meningkat serta kejayaan yang telah diraih oleh para pensyarah jabatan ini di dalam beberapa pertandingan yang disertai.


Justeru, webinar pada tahun 2022 ini diharapkan dapat memberi pengetahuan dan juga idea kepada para pensyarah di Fakulti Sains Komputer bagi menghasilkan penulisan, penyelidikan, inovasi dan penerbitan yang lebih berkualiti. Sesi perkongsian yang diadakan sepenuhnya secara atas talian ini telah berlangsung selama empat jam dan melibatkan enam orang pensyarah yang berkongsi pengalaman, pengetahuan, kemahiran serta kepakaran masing-masing. Rajah 1 menunjukkan gambar peserta yang mengikuti program ini.




Rajah 1 Gambar para peserta

Perkongsian daripada pensyarah pada hari tersebut lebih kepada perkongsian mengenai hasil penyelidikan, hasil inovasi serta kemahiran dalam menggunakan sesuatu perisian. Pembentang pertama, Dr Siti Salwa Hj Salleh telah membincangkan mengenai hasil inovasi beliau iaitu dua produk yang mengaplikasikan *Concept Map* di dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Biologi dan Sejarah. Manakala, pembentang kedua iaitu Dr Mohamed Faiz Mohamed Said telah berkongsi maklumat mengenai kajian kes bagi Industri 4.0 daripada perspektif akademik. Pembentangan diteruskan oleh Puan Juliana Hamka Kamaroddin di mana beliau telah berkongsi tentang tatacara penggunaan perisian Overleaf LaTeX iaitu satu aplikasi penyuntingan dokumen berasaskan awan (cloud based) yang turut menyokong kolaborasi dalam talian. Cik Nor Azlina Aziz Fadzillah sebagai pembentang keempat pula telah memperkenalkan projek inovasi kumpulan beliau iaitu pembelajaran pengaturcaraan C++ menerusi *Snake and Ladder Educational Game*. Seterusnya, pembentang kelima, Encik Shamsudin Md Sarif pula menjelaskan mengenai penggunaan perisian *RapidMiner* sebagai alat untuk menganalisis teks manakala pembentang terakhir, iaitu Puan Wan Aryati Wan Ghani telah berkongsi hasil kajian beliau berkaitan penggunaan Padlet sebagai platform pengajaran dan pembelajaran bagi kursus Pengurusan Sistem Maklumat (MIS). Kajian beliau lebih memfokuskan pengukuran dari segi kualiti dan kebolegunaan yang mana telah menunjukkan impak positif kepada semua pelajar yang terlibat.

Satu borang maklumbalas telah diedarkan secara dalam talian kepada para peserta bagi melihat keberkesanan webinar yang diadakan. Rajah 2 dan 3 menunjukkan sebahagian maklumbalas terhadap pembentangan daripada para pembentang. Hasil daripada maklum balas ini menunjukkan bahawa perkongsian daripada para pembentang adalah Cemerlang dan Amat Baik. Ini membuktikan bahawa webinar ini telah memberi impak positif kepada para peserta dalam menghasilkan penyelidikan, inovasi dan penulisan yang seterusnya.




Rajah 2 Maklumbalas terhadap isi kandungan pembentangan



Rajah 3 Maklumbalas terhadap para pembentang

Rajah 4 menunjukkan hasil bahawa para peserta bersetuju platform secara dalam talian ini adalah sesuai dalam menjayakan webinar ini. Tambahan pula, objektif webinar turut tercapai.



Rajah 4 Penganjuran bengkel webinar

Berikutan penganjuran webinar ini yang telah menampakkan hasil yang positif, maka program ini akan diteruskan sebagai program tahunan bagi jabatan Sains Komputer. Ia bukan sahaja mencetus idea malah memberi inspirasi, semangat dan sokongan kepada semua yang terlibat dalam program ini.

Sekolah Penulisan Tesis 2.0

Wan Zumusni Wan Mustapha (Dr.)

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban



Poster program

“SEKOLAH PENULISAN TESIS 2.0 (SPT 2.0)” telah pun melabuhkan tirainya. Kelas Penulisan Tesis yang bermula secara Virtual Summit melalui penganjuran program Sekolah Penulisan Tesis 1.0 pada tahun 2021 adalah diasaskan oleh Pengetua VSSPT, Dr Tiny Azleen Yahya.

Program SPT 2.0 kali ini telah mengumpulkan 30 orang pakar dari universiti di dalam, dan luar negara bagi membincangkan 31 topik kuliah yang dapat membantu bakal pelajar dan pelajar pascasiswazah (Masters dan PhD). Terdapat seramai 300 orang peserta yang juga merupakan pelajar yang sedang menyiapkan Projek Tahun Akhir dari pelbagai universiti. Terdapat juga penyertaan peserta dari luar negara antaranya dari Singapura, Brunei, United Kingdom dan Indonesia.

Kuliah yang dijalankan secara rakaman video dapat diakses pada bila-bila masa dan boleh diulang tonton sementara SPT 2.0 masih dibuka.

Antara topik menarik di bawah Kategori “Kemahiran Motivasi Belajar” ialah Tesis Akademik ke Terbitan Umum yang disampaikan oleh Tuan Zamri Mohamad dari Gerakan Penulis Malaysia, MyMove.

Selain motivasi, kuliah juga turut disampaikan di bawah kategori ‘Teknikal’ dan ‘Sokongan’. Kuliah ini telah dijalankan selama sebulan boleh diakses selama satu tahun.

Di samping itu, Dr Wan Zumusni dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Kampus Seremban telah dijemput untuk berkongsi mengenai strategi dalam memecahkan kebuntuan “writers’ block” di dalam penulisan.

Selain menyediakan peta, kompas dan penunjuk arah untuk melalui pendakian Master / PhD dengan lebih mudah, antara yang menarik ialah penampilan penyampai kuliah yang memberikan giveaway dan memberikan peluang untuk para pelajar bertanya sebarang soalan kepada ahli panel. Contohnya, kuliah Professor Madya Dr Ismi Arif Ismail (Universiti Putra Malaysia) tentang ‘PhD - Tiket untuk terbang tinggi’, Datin Dr Romaizah Abd Kadir ‘Membina Rangkaian Positif’ dan Ts. Dr Shuhairy Norhisham ‘Komunikasi Mesra Supervisor’.

Platform yang digunakan ialah aplikasi Facebook dan hanya dapat diakses oleh pelajar yang telah membayar yuran masuk kuliah SPT 2.0. Kuliah-kuliah tertutup ini boleh diakses di <https://www.facebook.com/groups/sekolahpenulisanthesis/>

Coffee and Tea with APB Seremban

Evelyn Sharminnie S. Vasuthavan, Afni Anida Adnan & Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo (PM Khas Dr.)

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

In keeping with its mission to enhance language scholarship and excellence, The Academy of Language Studies, Seremban campus organized a 3 series webinar which was held on the 21st January, 28th January and 4th February, 2022 respectively. The purpose of these webinars was to showcase The Academy of Language Skills by introducing the services offered and the skills and expertise available. Besides that, these webinars were also to highlight the third languages that are offered such as the Arabic and Mandarin languages. These webinars were also carried out to expose the academic and administrative staff of UITMNS, Seremban Campus staff, to the correct pronunciation and usage of words in the English Language, Arabic and Mandarin languages. The focus was on the commonly mispronounced and misused words and phrases in daily conversations and conversely, to increase the understanding of different cultures among Malaysians.

Announced as "Coffee and Tea with APB Seremban", this is the first time APB has conducted a series of 'chill out and chit-chat' webinars. These webinars were conducted in an informal roundtable chit-chat fashion, rather than the usual serious academic-like seminar, featuring a panel of speakers comprising lecturers from APB Seremban, who shared and exchanged their expertise, experiences

and knowledge. The Opening ceremony was officiated by the Head of Academy of Language Studies, Associate Professor Zainon Ismail.


Each webinar was carried out over a duration of two hours, covering various topics such as Malaysian English, vocabulary and phrases related to travel, food, social media and abbreviated language in SMS (short message service). The participants of the webinars were also shown how to analyze the lyrics of English songs and were exposed to errors commonly found on signages and notices. In addition, they also learnt how to greet, order food or utter short exchanges and phrases in the Mandarin and Arabic languages.



Poster of Webinar 1



Poster of Webinar 2



Poster of Webinar 3

The turnout for all three webinars was good and encouraging. The webinars were attended by not only participants from the APB Seremban campus but also from other faculties including the Faculty of Computer Science and Mathematics (FSKM), Faculty of Sports Science and Recreation (FSR), Faculty of Administrative Science and Policy Studies (FSPPP) and also non-academic staff members. Feedback from participants was positive and encouraging and there were also requests for more such sessions from non-APB staff, academic and non-academic staff.

The Academy of Language Studies is pleased to offer its services to the campus members, through the Coordinator. Please feel free to contact Encik Mohd Ikram Mohd Nor Rizan.

A quiz based on the information shared from Webinars 1 to 3 was administered for all webinar participants (non APB staff) at the end of Webinar 3, and winners were awarded a free 3-month subscription of Reader's Digest. All participants were also awarded e-certificates as well as training hours. The Closing ceremony was officiated by the Coordinator of the Academy of Language Studies, Seremban, Encik Mohd Ikram Mohd Nor Rizan.

Riang-Riang Raya Pengerat Silaturrahim Warga UiTM Kampus Seremban

Razif Sazali

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Kampus Seremban

Marzura Mohd Idris

Bahagian Pentadbiran

Suhaimi Hj. Abd Samad (Dr.)

Penolong Rektor

CR. Norfarhana Zulkifli

Unit Kerja dan Kaunseling

Khairulizwan Harry

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Nur Haidar Hanafi

Fakulti Sains dan Matematik, UiTM Kampus Seremban

SEREMBAN, 20 Mei – Setelah dua tahun warga UiTM Kampus Seremban tidak beramah mesra dalam sambutan Aidilfitri secara fizikal, tahun ini menyaksikan titik permulaan kepada proses peralihan kepada endamik dengan bermulanya Majlis Sambutan Aidilfitri peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Majlis tersebut merupakan penganjuran bersama pengurusan kampus bersama syarikat pihak konsesi iaitu BMES Maintenance Services Sdn Bhd dan Inovatif Mewah Sdn Bhd. Rata-rata warga kampus sangat teruja dengan penganjuran majlis berkenaan yang telah dirasmikan oleh Profesor Dr Yamin Yasin, Rektor, UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Dalam ucapan perasmian, beliau berkata, "setelah mengharungi segala onak duri sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang berpanjangan selama dua tahun ini, kita semua telah diberi

kesempatan oleh Allah SWT untuk menyambut hari lebaran ini dengan penuh rasa rendah diri sebagai seorang hamba yang bersyukur." ujar Profesor Dr Yamin Yasin.



Majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai acara seperti deko raya, pakaian terbaik dan pertandingan karaoke raya yang melihatkan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi mendominasi kesemua hadiah yang ditawarkan. Majlis yang berjalan secara santai ini dilihat dapat merapatkan lagi ukhuwah dan silaturrahim antara warga kampus secara amnya. Tambahan lagi, ianya diharapkan dapat memupuk semangat muhibbah antara rakan sekerja dalam kalangan warga UiTM.



Maklumat tambahan:

Artikel di atas diolah daripada penulisan penulis sendiri di Facebook UiTM Kampus Seremban

East Meets West - LOI Signing Ceremony between UiTM and the University of Ottawa, Canada

Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo (PM Khas Dr.), Abdul Fattah Abd Gani,

Aeimi Ruzanna Abu Hassim & Mohd Ikram Mohd Nor Rizan

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

Rome was not built in a day. Neither was the tie that has been fostered between UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) and the University of Ottawa, Canada. Spearheaded by the Academy of Language Studies, Seremban Campus, the negotiations on collaborative efforts between UiTM and the University of Ottawa took months of hard work and countless late-night meetings to cater to the different time zones of both countries. After many negotiations and much goodwill in force, they culminated in the signing of a Letter of Intent (LOI) between the two universities. The historic date was the 25th May 2022, 9.00 am at the Tuanku Syed Sirajuddin Chancellery Building, UiTM Shah Alam. On the side of UiTM, the Vice Chancellor gave a speech followed by the President (equivalent to the Vice Chancellor) of the University of Ottawa, before the signing of the document took place. Both heads of Universities, Prof. Datuk Ts. Dr. Roziah Mohd Janor and Mr. Jacques Frémont, were visibly pleased with the visit and the signing event. As for the ownership of the LOI, it is held and headed by Prof. Dr. Yamin Yasin, the Rector of UiTMCNS. The event was also graced by the attendance of Mr. Khairil Azwan Abu Mansor, Senior Principal Assistant Secretary of the Ministry of Higher Education, as well as Mrs. Nur Ezira Mahadi, Principal Assistant Secretary of the Ministry of Foreign Affairs.

The University of Ottawa team had already planned a visit to Malaysia earlier, on their own agenda. Hence, getting the LOI had to be worked on fast in order to make it in time for the visit of the Canadian team on the 25th of May. Everything was attended to with swiftness that led to the smooth completion of the document by this date. For this, only a great committee could have pulled this off! On the side of UiTMCNS, the Rector was the main driving force in dealing with UiTM Shah Alam. The Corporate Communications and Global Team personnel were super-efficient and fast, as time was of the essence in this endeavour. Though it was not a case of building Rome in a day, it was a great task of building a relationship to reach fruition – the LOI – within a few months. This is surely close to building Rome in a day.

A major highlight of the short but action-packed trip of the delegates from the University of Ottawa was their visit to UiTM's College of Engineering. The reason for this was because the Dean of the Engineering Faculty, Mr. Jacques Beauvais, was on this visit. The University of Ottawa was also keen on this area for future collaboration. Hence, Prof. Dr. Yamin Yasin made arrangements with our Engineering counterparts to take the Canadian delegates on a tour of the College of Engineering.

This tour was guided and explained in detail by Prof. Sr. Ir. Dr. Suhaimi Abdul Talib, the Assistant Vice Chancellor of the College of Engineering. The tour later ended with a meeting to discuss possible collaborative areas between the two institutions. This part of the trip took close to two hours, after which the delegates were whisked away to Hotel UiTM to savour a lovely “Keluarga Malaysia” lunch; depicting the various Malaysian delicacies and cultures. The menu of the lunch was precisely curated by the Executive Chef of Hotel UiTM to showcase the diversity and uniqueness of flavours that Malaysian cuisine is famous for.



UiTM CNS team with the delegation from the University of Ottawa



Speech by the Vice Chancellor of UiTM



Speech by the President of the University of Ottawa

The visit ended at 1.30 pm as the Canadian delegates had to rush to their next destination. Though it was a wet day, the constant rain did not dampen our spirits but only showed us how blessed we were to have this meeting together. As we said farewell to the Canadian delegation, we knew it was not goodbye but only a momentary parting, for we would be working together on more projects in the not-too-distant future.

Suddenly, it dawned on us that all the weeks of preparation for this half-day visit were over. We felt a surge of emotions – a sense of relief, joy, anticipation, hope, and many more – it was surely a cocktail of feelings. A tiring day but one that was fulfilling and we knew that we were truly blessed and could not have asked for more.

We would like to take this opportunity to thank our Rector, for all his support throughout, to the upper management and staff of UiTM, to every member of this committee and to the entire Academy of Language Studies, UiTMCNS, Seremban Campus. This is for ALL of us.

Au revoir, till we meet again.



The official signing of the LOI



Members of the audience



Meeting to further discuss the collaborative partnership



The Canadian delegation visiting UiTM's College of Engineering



Mr Abdul Fattah, Co-Head of the LOI Committee, emceeding the event



Late night meeting with the Malaysian High Consulate of Canada

List of Committee Members from UiTMCNS:

1. Assoc. Prof. Dr. Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo, Co-Head of the LOI Committee (Academy of Language Studies)
2. Abdul Fattah Abdul Gani, Co-Head of the LOI Committee (Academy of Language Studies)
3. Mohd Ikram Mohd Nor Rizan (Coordinator, Academy of Language Studies)
4. Aeimi Ruzanna Abu Hassim (Academy of Language Studies)
5. Dr. Siti Nor Atika Baharin (Liaison Officer, UiTM Global UiTMCNS)
6. Dr. Nor Monica Ahmad (Coordinator, Corporate Communications Unit UiTMCNS)
7. Razif Sazali (Corporate Communications Unit UiTMCNS)

List of Members from the University of Ottawa:

1. Jacques Frémont, President and Vice-Chancellor
2. Jacques Beauvais, Dean, Faculty of Engineering
3. Anne McIlroy, Executive Director, Strategic Engagement (External Relations)
4. Olga Golovachova, Manager of International Relations, Faculty of Engineering

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 (KL International Book Fair)

Wan Zumusni Wan Mustapha (Dr.)

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

Setelah dua tahun ditunda, akhirnya Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 kembali lagi. Acara ini telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dengan kerjasama enam persatuan industri buku Malaysia. PBAKL merupakan acara utama dalam kalendar global penerbitan bagi setiap tahun. Ia dianggap umpama Hari Raya untuk penulis-penulis buku di Malaysia. Acara yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra ini telah bermula 3 sehingga 12 Jun 2022, iaitu selama sepuluh hari.



Dr Wan Zumusni Hj. Wan Mustapha telah mewakili 10 orang penulis buku kisah hidup (BKH 2021) di Sesi Rehat dan Baca, Ruang Legar, Aras 4, WTCKL pada 12 Jun 2022 untuk mempromosikan buku-buku kisah hidup, buku yang ditulis bersama Karyawan Guru dan juga hasil penulisan buku-bukunya yang lain. Antara aktiviti menarik yang diadakan pada Sesi Rehat dan Baca tersebut ialah:

1. Hadiah duit raya dari penulis buku solo
2. Diskaun pembelian buku dari penulis buku solo
3. Pembelian buku secara kombo
4. Setiap buku akan ditandatangani oleh penulis buku solo
5. Sesi soal jawab mengenai cabaran dan motivasi menulis buku kisah hidup
6. Pemberian hadiah berbentuk buku daripada penulis-penulis buku solo
7. Pelbagai hadiah cabutan bertuah untuk pengunjung
8. Peluang untuk bertemu dengan penulis-penulis buku solo secara *in person*

Pertandingan Video Kreatif ELC550

Sheela Paramasivam, Afni Anida Adnan, Amirah Nabihah Zainal Abidin, Fatin Aliyah Hassan, Rodhiah Amzah & Noor Shahariah Saleh

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

Pada 26 Januari sehingga 4 Februari 2022, pihak Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban telah menganjurkan satu pertandingan Video Kreatif bagi para pelajar yang berdaftar dengan kod subjek ELC550, iaitu Bahasa Inggeris untuk Penulisan Akademik (English for Academic Writing).

Pertandingan video kreatif ini merupakan satu pertandingan berbentuk pembelajaran dalam talian (online learning), di mana semua pelajar yang mengambil subjek ELC550 dikehendaki menghasilkan sebuah video berdurasi 15 hingga 20 minit yang memaparkan pembentangan poster mereka. Tugas ini juga merupakan sebahagian daripada penilaian mereka (Assessment 2). ELC550 memperkenalkan para pelajar mengenai selok belok penulisan berunsurkan akademik. Antara kandungan yang dipelajari adalah pembentukan semula frasa (paraphrasing), pemilihan isi kandungan yang penting serta kaedah rujukan atau 'referencing' yang betul. Salah satu daripada tiga penilaian utama di dalam kod subjek ini adalah penghasilan poster yang terhasil melalui pemilihan intipati utama berdasarkan pembacaan daripada 4 artikel jurnal utama, yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Setelah penghasilan poster, pelajar dikehendaki membuat satu pembentangan tentang poster tersebut.



Poster hebahan pertandingan


Pembentangan sebelum ini adalah berbentuk pembentangan secara bersemuka, ataupun 'face to face'. Namun, sejak berlakunya pandemik Covid-19, proses pengajaran dan pembelajaran telah diadakan secara dalam talian (online learning). Oleh itu, pelajar-pelajar perlu menyiapkan tugas ini secara maya dan dibentangkan melalui platform Google Classroom serta YouTube. Hasil perbincangan bersama para pensyarah APB yang mengajar kod kursus ini, satu pertandingan video kreatif diadakan untuk pelajar yang mendaftar. Di antara objektif pertandingan ini ialah untuk memberi suntikan semangat kepada pelajar UiTM CNS Kampus Seremban membuat serta menyiapkan tugas yang diberi bagi kod subjek ELC550 dengan mengasah kebolehan pelajar dalam menghasilkan-

video berunsurkan kreativiti (penggunaan grafik, lagu latar belakang dan gaya persembahan). Di samping itu, pertandingan ini juga menyahut cabaran halatuju pengajaran dan pembelajaran terkini, dengan penekanan terhadap kemahiran penggunaan peralatan serta pendekatan berteraskan Teknologi (IR 4.0 dan IR 5.0). Ia juga sebagai usaha dalam membantu mencetuskan idea tenaga pengajar lain dalam mempelbagaikan kaedah serta mencipta kelainan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, terutamanya pembelajaran dalam talian (ODL). Kajian literatur menunjukkan bahawa para pelajar kini, yang merupakan Generasi Z (GenZ) mempunyai kecenderungan ke arah kaedah pembelajaran kolaboratif dan interaktif menggunakan aplikasi multimedia. Mereka merasakan bahawa pembelajaran tidak mempunyai batasan dan dapat dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Pertandingan video kreatif ELC550 menyahut cabaran ini dalam mengaplikasikan kemahiran multimedia ke arah mencapai objektif IR 4.0 dan 5.0 (Oke & Fernandes, 2020). Selain itu, pembinaan pengetahuan (knowledge construction) berlaku dengan lebih baik apabila para pelajar dapat bekerjasama dalam kumpulan, berunding serta mencapai persetujuan (Lenkauskaitė et al., 2020). Ini merupakan antara cabaran yang disahut melalui pertandingan video kreatif ELC550 ini.



Para pelajar membuat perbincangan untuk penghasilan poster

Pertandingan ini melibatkan kerja kumpulan di mana setiap kumpulan terdiri daripada empat ahli. Mereka dikehendaki membaca empat artikel jurnal serta mengupas intipati idea-idea utama di dalam artikel tersebut. Perbincangan dalam kumpulan adalah secara mandiri, iaitu dikendalikan oleh pelajar sendiri. Melalui hasil perbincangan dan kupasan idea serta pengolahan semula, pelajar dikehendaki menghasilkan poster dalam bentuk video dan membentangkan kandungan poster tersebut. Terdapat dua fasa penilaian. Fasa pertama melibatkan penilaian pensyarah yang mengajar ke atas video pelajar bagi kelas masing-masing.. Fasa kedua pula adalah di mana pensyarah akan memilih dua video terbaik dari kelas yang diajar. Penilaian video dibuat oleh 14 pensyarah Bahasa Inggeris APB Kampus Seremban menggunakan Google Form yang telah disediakan.



Taklimat penjurian atas talian



Contoh video yang dihasilkan pelajar

Kriteria penilaian pertandingan video kreatif ELC550 ini adalah berdasarkan rubrik penilaian kedua (Assessment 2) yang telah diubahsuai. Terdapat sedikit perbezaan di antara skema pemarkahan yang sedia ada yang diguna pakai oleh pensyarah yang mengajar Kod ELC550 semasa pemberian markah pada pembentangan asal pelajar dan penjurian pertandingan. Pemarkahan bagi pertandingan ini menekankan aspek kreativiti dan kualiti samada video-video tersebut adalah menarik dan mengandungi fakta yang tepat atau tidak. Apa yang menarik adalah, hasil daripada ketelitian penyediaan kriteria pemarkahan yang berbeza untuk pertandingan ini, terdapat kumpulan pelajar yang telah disenarai pendek untuk menyertai pertandingan video kreatif ini. Walaupun pada awalnya, markah bagi tugas mereka bukanlah antara yang tertinggi. Ini menunjukkan bahawa pertandingan ini telah dapat memotivasikan pelajar untuk menghasilkan video-video yang sangat menarik walaupun adakalanya terdapat kelemahan dalam isi kandungan yang dimuatkan.

Secara keseluruhannya, seramai 317 pelajar telah menyertai pertandingan video kreatif ini. Kesemua pelajar diberikan sijil penyertaan. Para juri telah diberi masa selama dua (2) hari untuk mengadili pertandingan ini dan kesemua markah telah direkod di dalam Google Form yang telah disediakan. Juri-juri juga telah diberi video taklimat secara dalam talian sebelum sesi penjurian dibuat. Kesemua pensyarah yang mengajar kod ini tidak diberi kelas masing-masing ketika sesi penjurian dilakukan.

Ini adalah bertujuan mengelakkan 'bias' dalam pemarkahan dan memastikan kesemua video dinilai dengan adil.

Sejumlah 28 video (dua dari setiap 14 kumpulan pelajar) dipertandingkan di peringkat akhir pertandingan. Sepuluh (10) kumpulan pelajar telah memenangi pertandingan video kreatif ini dan diberikan sijil pemenang.

Pertandingan Video Kreatif ELC550 juga merupakan aktiviti akademik pelajar dan mendapat sokongan padu daripada pihak pengurusan tertinggi UiTMCNS, khasnya Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Dr Noorlis Ahmad.



Majlis penutup dan pengumuman pemenang diadakan secara dalam talian melalui Youtube UiTMCNS serta Facebook APB Kampus Seremban.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif program selaras dengan agenda Pendidikan Nasional berteraskan IR 4.0 dan IR 5.0 iaitu mengaplikasikan penggunaan ICT dan teknologi dalam pembelajaran serta menggalakan kerja berkumpulan. Program ini turut mendapat sokongan yang baik daripada staf UiTMCNS (tenaga pengajar kod ELC550 dan juri) serta pelajar yang rata-rata amat bersemangat dan teruja semasa menyediakan video kreatif masing-masing.

Majlis penutup pertandingan Video Kreatif ELC 550 ini boleh dilayari pada laman YouTube pada link https://youtu.be/BaxNS_3buhc dan <https://www.facebook.com/Akademi-Pengajian-Bahasa-UITM-Kampus-Seremban-1435420386490601>

Semoga usaha murni ini akan berterusan untuk pemantapan kecemerlangan pengajaran-pembelajaran di UiTMCNS.

Go Global 2022: Webinar Series 1,2 & 3

Rafidah Kamarudin (Dr.)

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

Nila Kusumawati

Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia

Go Global 2022 is a student mobility program co-organized by the Academy of Language Studies (APB), UiTM Negeri Sembilan and Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia. It is a collaborative effort between the two universities which involves a total of 77 students and 25 lecturers from both universities in a series of webinars, online workshops, and presentations. Committees of the program consist of all APB lecturers at UiTM Kuala Pilah Campus and 11 lecturers from Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia, who also act as program facilitators.



Poster


The main objective of Go Global 2022 is for students to exchange knowledge, ideas and experiences, and provide a platform for them to participate in a series of webinars, online discussions, and presentations. It is hoped that students can obtain useful knowledge – both academic and non-academic as well as skills to prepare them for future employment. As for the academic staff, the program provides an opportunity for them to contribute at the international level and benefits them in terms of career development.

In line with the *Go Global 2022* program, three (3) webinar series have been conducted in April and May 2022 and hosted by the Academy of Language Studies (APB), UiTM Negeri Sembilan, Kuala Pilah Campus. These webinars are part of the 6 webinar series which will be held throughout the year from April to November 2022.

The 1st webinar entitled Embracing Cultural Harmony was held on the 6th April 2022 and delivered by two guest speakers - Dr Sharifah Sheha, Head of Academy of Language Studies (APB), UiTM Negeri Sembilan and Dr Masrul from Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia. Despite a number of similarities in terms of cultural aspects of both countries, many participants found that the webinar was interesting as many are still not aware of the historical backgrounds and other cultural differences of both countries.



Poster Embracing Cultural Harmony



Screenshot of the webinar



Behind the scene: committees




Poster Volunteer, all that's missing is U!


The 2nd webinar was held on the 20th April 2022 with another two invited speakers - Dr Amalia Qistina, a senior lecturer from Academy of Language Studies (APB), UiTM Kuala Pilah Campus and Miss Apriza from Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia who talked about volunteerism activities in Malaysia and Indonesia. It was a great exposure for the students in particular, to understand the various volunteering activities which involved students and academic staff in both countries, especially those organized by their respective universities.



Poster Technological Skills & Digital Presence



Screenshot of the webinar



Screenshot of the webinar

The 3rd webinar was successfully conducted on the 11th May 2022. Contrary to the topics presented in the first two webinars - which are rather general and non-academic in nature, the 3rd webinar introduced participants to a topic which is more academic - Technological Skills & Digital Presence in the Changing World. The two guest speakers are Mr Muhamad Izzat and Ms Siti Nor Dina, senior lecturers from the Academy of Language Studies (APB), Kuala Pilah Campus who highlighted the importance of technological skills and online visibility in the digital era.

Each webinar lasted for one hour and followed by a specific task for the students' participants to complete within the allocated time frame. Response to the 3 webinar series was great and more than 100 participants attended each of the webinar which was conducted on two different platforms - Zoom & Youtube live. Many positive and interesting feedback received from the participants who suggested for a similar program to be carried out continuously in the future.

Perkongsian tentang “Poligami & Institusi Keluarga” di Twitter

Wan Zumusni Wan Mustapha (Dr.)

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban


Pada 26 Mei 2022, Dr Wan Zumusni telah memenuhi jemputan sebagai narasumber untuk berkongsi kajian nasional tentang “Poligami & Institusi Keluarga”. Sesi yang dianjurkan oleh Telenisa, telah disertai seramai 120 orang di aplikasi dalam talian Twitter Spaces. Sesi ini juga turut dihadiri oleh Puan Syirin Junisya, Pegawai Program Kanan, Kempen untuk keadilan MUSAWAH. MUSAWAH merupakan gerakan global untuk keadilan dan kesaksamaan gender.



Antara persoalan yang dibincangkan di dalam sesi kali ini ialah perkongsian kerja penyelidikan kedua-dua narasumber berkenaan topik poligami dan institusi keluarga di peringkat nasional dan global. Selain itu, perbincangan pandangan mengenai praktis perkahwinan poligami di Malaysia, cabaran dan rintangan yang dihadapi ketika membincangkan dan menjalankan penyelidikan tentang poligami juga turut diketengahkan.

Kajian di Malaysia merupakan kolaborasi di antara Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Sisters in Islam.

Sesi perbincangan ini juga turut mengupas mengenai faktor-faktor utama seorang suami itu ingin berpoligami dan masalah yang sering dihadapi oleh isteri yang berada dalam perkahwinan poligami. Ini termasuklah persoalan tentang bagaimanakah perkahwinan poligami ini memberi kesan terhadap peranan dan tanggung jawab seorang suami dan bapa, serta isteri dan ibu.



Tangkapan skrin di Twitter

Antara isu menarik lain ialah melihat perbezaan pandangan atau layanan masyarakat terhadap suami atau isteri yang terlibat dengan perkahwinan poligami. Perbezaan pandangan atau layanan masyarakat ini diperoleh hasil daripada temubual mendalam yang telah dijalankan bersama isteri pertama, kedua dan anak-anak daripada keluarga berpoligami. Apa yang dapat dilihat daripada temubual ini adalah kesan terhadap kanak-kanak dari keluarga berpoligami jika mereka kurang berkomunikasi atau tidak mempunyai hubungan yang baik dengan ibu atau bapa yang terlibat dalam poligami.

Hasil perbincangan ini turut mengupas secara ringkas mengenai kesan emosi, kewangan, perundangan dan hubungan sosial. Terdapat kes di mana perkahwinan poligami berlaku di luar negara, dan tidak didaftarkan di Malaysia; maka hak-hak isteri dan anak-anak berkemungkinan tidak akan diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia. Perbincangan dan soal jawab dengan penonton di aplikasi Twitter juga membincangkan tentang kaedah untuk membantu bagi memastikan kebajikan isteri dan anak-anak dalam keluarga berpoligami terpelihara.

Klinik Bantuan Guaman Telenisa merupakan satu platform yang membantu wanita untuk mendapatkan nasihat bantuan daripada sudut perundangan syariah secara percuma yang berkait rapat dengan undang-undang keluarga islam dan juga perundangan jenayah syariah.

Kebanyakan klien Telenisa terdiri daripada kaum wanita. Namun, tiada halangan bagi golongan lelaki untuk turut mendapatkan khidmat nasihat dari pihak Telenisa.

Rakaman sesi tersebut dapat didengar di https://twitter.com/i/spaces/1mrxmavDa_eWxy



"An investment
in knowledge
pays the best
interest."

BENJAMIN FRANKLIN

Terima
Kasih